

06 SEP 2003

Jambatan

SAMBUTAN BESAR-BESARAN KEPADA PERDANA MENTERI 15 SEPT

KOTA BAHARU, 6 Sept (Bernama) -- Majlis Tindakan Rakyat Kelantan (MTRK) merancang mengadakan sambutan besar-besaran kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan menghadiri majlis perasmian Jambatan Sultan Ismail Petra di Tendong, Pasir Mas pada 15 Sept.

Presiden MTRK Datuk Ibrahim Ali berkata Sultan Kelantan akan merasmikan jambatan itu.

Beliau menjangkakan kira-kira 100,000 orang berbilang kaum akan menghadiri majlis itu dan sambutan yang diberikan kepada Dr Mahathir adalah sebagai mengenang jasanya sebelum beliau bersara bulan depan.

"Ia juga sebagai mengenang jasa Perdana Menteri sehingga terbina Jambatan Sultan Ismail Petra ini yang berharga RM166 juta oleh kerajaan pusat," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Ibrahim berkata sambutan itu akan dimulai dengan Larian Antarabangsa Jambatan Sultan Ismail Petra 2003 oleh kira-kira 10,000 peserta pada pukul 7 pagi.

Di sepanjang jambatan kira-kira 1 kilometer itu akan dibarisi oleh pemalu gendang simfoni rakyat, selain itu akan diadakan acara payung terjun dan pertunjukan tatu oleh anggota tentera.

"Selepas itu akan diadakan lintas langsung beberapa pesawat Cessna yang disusuli oleh barisan perakit budaya rakyat di bawah jambatan," katanya.

Ibrahim berkata satu lagi acara diharap akan dapat dicatatkan dalam Malaysia Book of Records iaitu peserta terbesar menyertai acara tarik tali membabitkan seramai 200 orang sebelah.

Pada sebelah malam pula akan diadakan beberapa acara kebudayaan rakyat Kelantan dan akan diakhiri dengan pertunjukan bunga api.

Beliau berkata jasa Dr Mahathir kepada Kelantan tidak terhitung besarnya dan Perdana Menteri sama sekali tidak pernah menganak-tirikan rakyat negeri ini walaupun diperintah pembangkang.

Jambatan itu telah dibuka kepada pengguna jalan raya sejak tiga bulan lepas dan mempunyai empat lorong.

-- BERNAMA

ZI BD RON